



PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Kerajaan **menafikan** bahawa kelulusan telah diberikan kepada Agensi Nombor Ramalan (NFO) iaitu Magnum 4D Berhad, Sports Toto Malaysia Bhd dan Pan Malaysia Pools Sdn Bhd (Damacai) untuk mula beroperasi pada 6 Mei 2020 seperti tular di media sosial. Semua NFO telah diarahkan untuk **TUTUP OPERASI** sehingga tarikh yang akan diberitahu kelak.
2. PDRM **menafikan** visual di media sosial yang memaparkan orang ramai berpusu mengunjungi pusat belian borong di Jalan Pudu sehingga melanggar Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). PDRM **menjelaskan** kesesakan tersebut terjadi kerana para pekerja sampai serentak dan terpaksa masuk melalui satu laluan sahaja untuk membuka semula premis perniagaan mereka.

**Pasukan Respons Pantas
KKMM
4 Mei 2020 | 8.00 Malam**

